

# PERKEMBANGAN STAF DAN FAKULTI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA PERMASALAHAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENSYARAH DAN PELAJAR

Mohd Salleh Lebar  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
Mengabang Telipot, 21030, Kuala Terengganu, Terengganu  
msa@kustem.edu.my

*Abstrak:* Perkembangan staf dan fakulti merupakan perkara yang amat penting di sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau pun institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini. Sebenarnya kedua-dua aspek ini menjadi ukuran kekuatan di mana-mana institusi pengajian tinggi. Sebagaimana yang kita tahu, kehebatan dan kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi baik di dalam mahu pun di luar negara memang dikira atau dilihat kedua-dua aspek ini. Malah ramai pelajar dari Asia Tenggara yang ingin belajar di negara-negara Barat mereka melihat reputasi dan kehebatan universiti-universiti yang dipilih. Di negara kita, untuk membangunkan perkembangan staf dan memperbanyakkan fakulti bukanlah mudah. Sebagai contoh, untuk melantik staf sama ada akademik dan bukan akademik yang baru, Dekan, Ketua Jabatan, perlantikan Profesor dan Profesor Madya bukanlah mudah kerana ia mesti melalui prosedur yang tertentu. Apatah lagi untuk menubuhkan fakulti baru yang mengambil masa lebih kurang tiga hingga empat tahun lamanya kerana ia memerlukan kajian pasaran yang mendalam dan mendapat kebenaran dari Jabatan Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun disebalik kesusahan dan cabaran dalam pembentukan tersebut ia memberi implikasi yang baik terhadap perkembangan dan kerjaya seseorang pensyarah dan menarabahkan lagi bilangan pelajar di sesebuah universiti. Dengan kata lain, apabila sesebuah universiti berkembang dan banyak fakulti yang ditubuhkan maka ramailah pelajar yang diperlukan, dana universiti semakin bertambah banyak dan ia secara tidak langsung membangunkan perkembangan ekonomi dan sosial di sesuatu kawasan universiti. Jadi fokus utama kertas ini ialah untuk melihat implikasi terhadap status pensyarah, program pengajian, bilangan unjuran pelajar, pembangunan ekonomi dan sosial setempat ekoran perkembangan di institusi pengajian yang dipilih.

Kata kunci: Fakulti, Perkembangan Staf, Profesor, Pelajar, Program Pengajian, Perkembangan Sosial

## PENDAHULUAN

Pada masa kini perkembangan staf dan fakulti adalah penggerak utama di mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Untuk menubuhkan sesebuah fakulti memerlukan kepakaran daripada staf yang banyak mempunyai pengalaman dalam bidang akademik dan perancangan kurikulum. Untuk memperkembangkan staf pula mesti terdapat banyak fakulti dan program yang ditubuhkan di bawah fakulti-fakulti tertentu. Pendek kata, staf dan fakulti merupakan rangkaian yang amat penting yang menjadikan sesebuah IPTA dan IPTS terkenal dan dapat menarik lebih ramai pelajar untuk memasuki sesebuah universiti. Sudah menjadi *trend* kepada pelajar untuk memilih mana-mana universiti yang hebat dan mempunyai bilangan pelajar yang besar. Sesetengah mereka menganggap semakin ramai bilangan pensyarah dan pelajar semakin terkenallah sesebuah universiti. Sebaliknya universiti yang mempunyai pelajar yang tidak berapa ramai, kepercayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesebuah universiti itu kurang. Walau bagaimanapun anggapan itu mungkin benar atau mungkin tidak. Sebenarnya universiti yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai mungkin ia memberi kesan kepada pelajar sendiri, pensyarah dan juga perkembangan sosial dan ekonomi di persekitaran universiti tersebut. Sebagai contoh, universiti yang mempunyai pensyarah yang ramai, fakulti yang banyak, pelajar yang ramai menyebabkan bilangan jawatan yang penting seperti Profesor dan Profesor Madya akan meningkatkan bilangannya.

Sebelum kita pergi lebih jauh lagi, elok diberikan beberapa definisi yang berkaitan dengan pusat, sekolah, *College*, pusat pengajian dan juga fakulti. Sebenarnya kesemua organisasi ini mempunyai hubungan yang kuat dengan perkembangan pensyarah dan pelajar. Maksudnya banyaknya pelbagai organisasi yang terkandung di dalam fakulti maka ramailah staf akademik dan bukan akademik diperlukan.

#### *Unit*

Dalam kumpulan pentadbiran akademik di sesebuah universiti, unit dianggap kumpulan yang terendah sekali. Sebagai contoh di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), ada yang dinamakan Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar, Unit Perhubungan ALUMNI dan lain-lain lagi.

#### *Pusat*

Pusat dianggap kumpulan yang lebih tinggi daripada unit dalam kategori aspek pentadbiran akademik. Biasanya ia berfungsi sebagai penyokong kepada fakulti atau jabatan dan menawarkan kursus teras atau utama dan juga kursus bahasa. Sebagai contoh, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Pusat menawarkan kursus bahasa dan kursus wajib kepada semua pelajar. Di UTM banyak penubuhan pusat seperti Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pusat Kokurikulum, Pusat Rekaippta Teknologi, Pusat Kajian Alam Bina Melayu, Pusat Teknologi dan Pengurusan Pembinaan, Pusat Teknologi Gas dan banyak lagi.

#### *Jabatan*

Jabatan merupakan satu rangkaian atau bahagian di bawah pusat pengajian atau fakulti. Sebagai contoh, di KUSTEM di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi terdapat beberapa jabatan yang membantu perkembangan dan memberi sokongan kepada fakulti tersebut. Antaranya ialah Jabatan Ekonomi, Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran dan lain-lain lagi. Semakin banyak program yang ditawarkan semakin banyaklah jabatan yang boleh wujud atau dipecahkan lagi.

#### *Sekolah*

Bagi universiti atau pusat pengajian tinggi yang baru dibuka ia menggunakan nama sekolah. Sebagai contoh Universiti Terbuka Malaysia (OUM). Kaedah ini sejajar dengan program yang ditawarkan adalah sedikit dan pelajar tidak begitu ramai. Walau bagaimanapun sekarang nama sekolah di OUM telah ditukarkan kepada fakulti seperti Fakulti Kejuruteraan dan Pendidikan Teknikal, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Sains dan Pendidikan Asas dan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Asas. Di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada peringkat awal penubuhan menggunakan nama Sekolah tetapi setelah berkembang maju ia telah ditukar kepada nama fakulti. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS) masih mengekalkan lagi nama Sekolah atau *School* walau pun pada masa kini bilangan pelajar bertambah ramai. Sementara itu banyak universiti di negara Amerika Syarikat menggunakan kaedah nama *College* untuk sesuatu program atau bidang pengajian. Sebagai contoh, *Eastern Michigan University*, *Ohio University* dan lain-lain lagi menggunakan nama *College* di mana di bawahnya terdapat pelbagai program yang berkaitan. Di negara kita ada juga menggunakan nama kolej atau *College* iaitu Universiti Tenaga Nasional.

#### *Pusat Pengajian*

Pusat pengajian dianggap sama taraf dengan fakulti. Sebagai contoh, di Universiti Sains Malaysia (USM) mengekalkan identitinya dengan nama Pusat Pengajian walau pun ia sebuah universiti yang besar dan jumlah program pengajian yang ditawarkan adalah banyak. Salah satu pusat pengajian yang mula-mula ditubuhkan ialah Pusat Pengajian Sains Asasi.

#### *Fakulti*

Kebanyakan universiti di Malaysia termasuk kolej universiti yang baru dibuka dan universiti terkemuka di dunia menggunakan sistem Fakulti kerana ia lebih familiar, jelas fungsinya dan lebih establish jika dibandingkan dengan nama-nama yang lain.

### *Institut*

Ia dianggap sama taraf dengan fakulti dan juga biro (bureau) tetapi peranannya adalah berbeza sedikit daripada fungsi yang lain. Ia mungkin tidak menjurus seratus peratus kepada keperluan akademik tetapi lebih bersifat pusat penyelidikan dan perundingan dengan projek luar. Sebagai contoh di KUSTEM ada Institut Osenografi, UKM mewujudkan Institut Tamadun Melayu Dunia, UTM pula ada menubuhkan Institut Kebisingan dan Getaran, Institut Teknologi Perisian dan lain-lain lagi.

### *Akademi*

Tidak banyak pusat pengajian tinggi di Malaysia ini menubuhkan akademi, kecuali beberapa buah universiti seperti Universiti Malaya (UM) dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM). UM menubuhkan Akademi Islam dan Akademi Pengajian Melayu (APM) sementara itu UTM menubuhkan Akademi Tentera Malaysia (ATMA). Sebenarnya peranan dan status akademi adalah lebih tinggi daripada nama fakulti. Akademi Pengajian Melayu pada mulanya bertaraf Jabatan iaitu Jabatan Pengajian Melayu kemudian dinaikkan status kepada akademi (Mohd Salleh lebar, 2000) [2]. Kini APM mempunyai autonomi sendiri iaitu membuat penyelidikan, penerbitan, pendokumentasian dan pengajaran.

### *Perkembangan Staf*

Patricia Partington dan George Brown (1997) dalam artikel yang bertajuk 'Quality assessment, staff development and cultural change' menerangkan bahawa perkembangan staf ialah berkaitan dengan sokongan daripada individu, kumpulan, jabatan dan organisasi untuk memahami serta memajukan cara atau pendekatan bidang pekerjaan mereka.

## **KAEDAH**

Kertas penulisan ini hanyalah menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kajian yang dibuat di perpustakaan melalui sumber-sumber seperti, jurnal, buku, rekod dan laporan-laporan yang berkaitan. Walau bagaimanapun ia tidak menggunakan soal selidik kerana rekod, sumber dan kajian yang diterima dianggap sudah mencukupi dan memadai. Susulan perbincangan dan implikasinya akan dibentangkan. Implikasinya ditumpukan kepada pensyarah, pelajar dan juga sedikit perkembangan sosioekonomi ekoran daripada perkembangan staf dan fakulti mengikut pemerhatian penulis di universiti yang berkaitan.

### *Latar Belakang Sejarah Penubuhan Universiti, Fakulti Dan Lain-lain Pusat Yang Berkaitan*

Biasanya penubuhan sesebuah universiti atau institusi pengajian tinggi dikaitkan dengan bakal fakulti yang akan ditubuhkan. Maksudnya fakulti apakah yang akan ditubuhkan sempurna dengan pembukaan sesebuah universiti? Kalau boleh penubuhan sesebuah fakulti mempunyai makna dan ada staf akademik yang akan mengendalinya. Kalau tidak ia tidak memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Sebagai contoh, penubuhan Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1949 bermula dengan dua buah fakulti iaitu Sastera dan Perubatan. Fakulti Sastera ialah diasaskan daripada *Raffles College* (1905) dan Fakulti Perubatan ialah kesinambungan daripada *King Edward VII College of Medicine*. Tujuan Fakulti Sastera ialah berkait rapat untuk melahirkan pegawai, pentadbir dan guru-guru untuk mengajar di sekolah menengah. Sementara itu Fakulti Perubatan untuk melahirkan graduan dalam bidang kedokteran kerana pada masa itu di Tanah Melayu tidak mempunyai doktor tempatan lagi. Sedangkan pada masa itu sudah wujud pelbagai penyakit yang mudah merebak seperti taun, kusta, demam kura dan lain-lain lagi. Jadi dengan penubuhan Fakulti Perubatan menyebabkan masyarakat sekeliling merasa gembira kerana dapat menerima rawatan perubatan yang mencukupi.

Kini Universiti Malaya yang dikaitkan dengan temanya *A tradition of Excellence* mempunyai sebanyak 12 buah fakulti dan mengandungi sebanyak 54 buah program untuk peringkat ijazah tinggi iaitu Master dan Doktor Falsafah (*Information Malaysia 2000*). Untuk program Ijazah Sarjana Muda ialah sebanyak 38 program yang ditawarkan. Dengan penambahan fakulti dan program yang banyak itu memberi peluang untuk pensyarah naik pangkat dan berpeluang untuk memegang jawatan sebagai Ketua

Jabatan, Dekan dan sebagainya. Pelajar juga boleh memilih pelbagai bidang pengajian yang ada ketika itu kerana pada awal tahun 1970-an tidak banyak lagi universiti yang ada di Malaysia.

Sementara itu pada awal penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970 hanya mempunyai tiga buah fakulti sahaja, iaitu: Sastera, Pengajian Islam dan Sains.

Selepas itu UKM berkembang dengan cepat dan kini mempunyai 17 buah fakulti termasuk Fakulti Perubatan yang dapat melahirkan doktor yang dapat memberi khidmat kepada masyarakat (*Information Malaysia 2000*). Sebagaimana yang kita tahu pada awal tahun 1970, tidak ramai pensyarah yang memiliki kelayakan Master dan Ph.D. Dengan perkembangan staf dan fakulti itu memberi implikasi yang baik kepada pensyarah untuk menyambungkan pelajaran yang lebih tinggi. Tanpa perkembangan staf dan fakulti yang terancang mungkin kerjaya seseorang pensyarah mungkin terbatas.

Begitu juga pada awal tahun 2000 terdapat beberapa buah Kolej Universiti ditubuhkan di mana kebanyakan ia mengutamakan penubuhan fakulti yang berkaitan kejuruteraan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang berasaskan kemahiran teknikal dan teknologi tinggi. Sebagai contoh, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussiem Onn (KUITTHO) pada masa kini mensasarkan tiga fakulti untuk membangunkan universiti sejajar dengan era globalisasi, iaitu: Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Pengurusan Teknologi.

Seterusnya Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) mempunyai lima fakulti yang berkaitan dengan kejuruteraan, iaitu: Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Jadi dengan penambahan fakulti kejuruteraan membolehkan ramai lepasan Diploma daripada politeknik melanjutkan pelajaran di IPTA. Kalau sebelum tahun 2000 tumpuan pelajar berkaitan hanya ke UTM sahaja tetapi sekarang ia lebih terbuka. Begitu juga ia memberi peluang kepada orang ramai yang memiliki ijazah di peringkat Sarjana menjadi staf akademik di beberapa buah Kolej Universiti yang baru dibuka.

## PERBINCANGAN

Universiti yang banyak fakulti dan sentiasa berkembang ia berkehendakan ramai kakitangan yang berkelayakan tinggi seperti memiliki Profesor, Profesor Madya dan Ph.D. Jadi setiap orang pensyarah terpaksa berlumba-lumba serta berkerja kuat untuk memohon jawatan sekurang-kurangnya ke peringkat Profesor Madya. Kalau tidak nama mereka akan tersisih, sukar dilantik sebagai Ketua Jabatan dan juga Dekan. Sekali imbas ia memberi implikasi yang agak mencabar kepada setiap orang staf akademik. Walau bagaimanapun untuk sampai ke peringkat tersebut bukanlah mudah. Tapisan yang diperhalusi mesti dibuat oleh pihak Lembaga Pengurusan Universiti agar kadar kenaikan pangkat pensyarah dengan jumlah pelajar dan fakulti yang ada seimbang. Untuk menjinatkan pensyarah melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph. D di Kolej Universiti yang baru ditubuhkan secepat yang mungkin bukanlah mudah. Dengan kata lain, '*Getting staff to learn, change and grow is a challenge*'. Begitu juga untuk menghantarkan pensyarah membuat Ph.D perlu diseimbangkan dengan kemasukan pelajar dan program yang ditubuhkan. Maksudnya pensyarah tidak boleh dikurangkan dan kemasukan pensyarah yang baru mesti diteruskan dari semasa ke semasa. Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), akibat peningkatan pelajar dan perancangan pembangunan staf menyebabkan pensyarah muda perlu menyambungkan pelajaran secepat yang mungkin di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera dan Skim Pengajian Universiti. Lihat jadual 1, bilangan pensyarah yang menyambungkan pelajaran sehingga Januari, 2003.

Jadual 1: Jumlah Pensyarah UPSI Yang Menyambungkan Belajar Sehingga Januari 2003.

Fakulti	Ph. D	Sarjana
Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	18	3
Perniagaan dan Ekonomi	5	9
Sains dan Teknologi	16	8
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	5	6
Bahasa	11	9
Seni dan Muzik	6	22

Sumber: *Berita Harian* 27 Januari 2003

Perkembangan staf di universiti yang sudah stabil seperti Universiti Putera Malaysia (UPM) memang hebat di mana peluang kenaikan pangkat di kalangan pensyarah adalah lebih cepat. Sekali gus ia memberi implikasi yang baik kepada kerjaya seseorang pensyarah. Berdasarkan jadual 2, hampir separuh staf akademik di UPM bertaraf Profesor, Profesor Madya dan juga yang memiliki Ph.D. Kedudukan bilangan ini sebenarnya menyamai universiti-universiti terkemuka di negara Barat, seperti University of Yale. 65.7% dan University of New South Wales 57%.

Jadual 2: Bilangan Kakitangan Akademik UPM.

Profesor	Profesor Madya	Pensyarah	Jumlah
86	269	642	997
9%	27%	64%	100%

Sumber: *Canselori UPM*

Begitu juga ekoran perkembangan staf dan fakulti di universiti-universiti yang lain ia memberi pertanda yang baik kepada peningkatan kenaikan pangkat di kalangan pensyarah baik di peringkat Profesor mahu pun Profesor Madya. Jadual 3 menunjukkan bilangan Profesor dan Profesor Madya di empat buah universiti.

Jadual 3: Jumlah Profesor dan Profesor Madya Di Empat Buah Universiti.

IPTA	Profesor	Profesor Madya	Pensyarah
UTM	104 (8.96%)	337 (29.00%)	721 (62.04%)
UUM	15 (1.97%)	82 (10.80%)	662 (87.22%)
UNIMAS	18 (5.94%)	51 (16.83%)	234 (77.22%)
KUSTEM	13 (8.02%)	30 (18.51%)	119 (73.45%)

Sumber: *Maklumat Jabatan Statistik UUM 2002*

*Persada UNIMAS 2001*

*E-mail Akademik@kustem.edu.my*

*Berita Harian* 27 Mei 2003

Pada masa kini boleh dikatakan kebanyakan universiti termasuk universiti yang baru sedang memantapkan program yang ada di dalam fakulti masing-masing. Dalam masa yang sama staf akademik tidak boleh berdiam diri dan perlu memperbaharui kursus atau kurikulum yang ada iaitu sesuai dengan kehendak pasaran kerja semasa. Dalam hal ini peranan pensyarah, Dekan dan universiti perlu melakukan kerjasama dengan pihak industri agar graduan yang dilahirkan benar-benar menepati kehendak pasaran dan mempunyai *soft skills* seperti teknologi maklumat dan kemahiran komunikasi. Jadual 4 menunjukkan jumlah fakulti yang ada di universiti-universiti di Malaysia ini. Oleh itu setiap orang pensyarah khususnya di universiti-universiti yang baru, perlu bekerja kuat untuk merangka kursus masing-masing dan membuat perancangan jangka panjang. Jika sesetengah program yang ada boleh menunjukkan keidentitian dan kekuatan yang tersendiri, pihak pentadbiran universiti bolehlah

berusaha untuk mewujudkan fakulti atau jabatan yang baru. Ini memberi peluang untuk pensyarah yang ada untuk menjadi Dekan. Walau bagaimanapun untuk menubuhkan fakulti bukanlah mudah dan ia perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi dan memikirkan kemampuan pensyarah.

Jadual 4 : Bilangan Fakulti Di Universiti Yang Lama Dan Baru.

IPTA	Bilangan fakulti	Kedudukan universiti
UPSI	4	Baru
KUSTEM	3	Baru
KUKTEM	5	Baru
KUITTHO	3	Baru
KUIM	4	Baru
UM	12	Lama
USM	24	Lama
UKM	17	Lama
UPM	14	Lama
UTM	10	Lama
UUM	7	Lama
UIAM	7	Lama
UiTM	17	Lama
UNIMAS	8	Lama
UMS	10	Lama

Sumber: *Information Malaysia 2000*

Seiring dengan perkembangan fakulti, kebanyakan universiti telah berusaha menubuhkan beberapa buah institut yang memberi peluang para pensyarah untuk menjalankan pelbagai kegiatan penyelidikan. Antaranya, UiTM di mana pada tahun 2003, telah menubuhkan tujuh institut baru yang memberi implikasi yang baik untuk menjadi universiti unggul dan bertaraf dunia menjelang tahun 2010 (*Berita Harian*, 26 Disember 2003). Institut tersebut ialah:

- Institut Penyelidikan Reka Bentuk
- Institut Penyelidikan Alam Bina
- Institut Penyelidikan Alam sekitar
- Institut Penyelidikan Sains
- Institut Kepemimpinan Pelajar
- Institut Penyelidikan Kewartawanan
- Institut Pengurusan Kualiti

Dengan penubuhan institut tersebut setiap orang pensyarah perlu bekerja kuat kerana mesti menjalankan penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Dengan kata lain, mereka perlu merancang menggunakan pelbagai sumber yang ada dengan berkesan, bermutu dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Satu lagi permasalahan yang timbul akibat perkembangan fakulti ialah pihak universiti dan pensyarah terpaksa memikirkan bagaimanakah cara untuk melahirkan graduan yang berkualiti. Walau pun sesetengah universiti bangga dengan jumlah program pengajian yang ada dan kuantiti pelajar tetapi menghasil graduan yang berkualiti tinggi juga perlu diambilkira. Oleh itu peranan pensyarah sebagai penyelidik perlu dikurangkan kerana tumpuan kepada aspek pengajaran adalah menjadi agenda yang utama. Ini sebenarnya merupakan permasalahan dan cabaran yang kuat kerana graduan yang dihasilkan perlu bertanding dengan berpuluh-puluh ribu graduan setiap tahun di Malaysia ini. Mengikut Henkel (2000) [2],

*“A few academics, highly committed to the idea that they should see the preparation of students to get good jobs as a primary responsibility, took a broad view of the skills on which they should concentrate.”*

### *Implikasi dan permasalahan kepada pelajar*

Secara umumnya implikasi dengan bertambahnya bilangan Profesor dan Profesor Madya di sesetengah universiti, pelajar akan merasa keyakinan yang tinggi kerana universiti tempat mereka belajar adalah yang berkualiti dan mempunyai pensyarah yang hebat serta terkenal. Mereka merasa bangga kerana setiap hari akan berhadapan dan menerima ilmu daripada pensyarah yang cemerlang. Begitu juga dengan peningkatan pelajar yang ramai iaitu seiring dengan perkembangan fakulti, ia boleh menguntungkan kepada pihak universiti kerana jumlah dana setiap semester semakin bertambah. Bayangkan jika 2000 orang pelajar membayar yuran pengajian setiap semester sebanyak RM 1,000.00 maka pihak universiti akan mendapat pulangan sebanyak dua juta ringgit. Dari sudut yang lain pula, dengan penambahan pelajar pihak universiti tidak boleh menampung pelajar di asrama. Pelajar terpaksa mencari atau menyewa rumah di luar. Ini mengakibatkan pelajar tidak mendapat kemudahan dan keselesaan untuk belajar. Mereka terpaksa berulang-alik ke kampus antara satu hingga empat kilometer jauhnya. Jika tiada kemudahan awam yang mencukupi mereka terpaksa membeli kenderaan sendiri. Oleh itu perbelanjaan harian akan bertambah.

Di Malaysia ini nampaknya hanya UUM dapat menyediakan kemudahan asrama yang hampir mencukupi. Sedangkan di universiti-universiti yang lain hanya dapat menyediakan asrama kepada pelajar lebih kurang 50 hingga 80 peratus sahaja. Sebagai contoh, UTM memperuntukkan 457.3 juta pembinaan asrama kampus Skudai di mana dapat menampung 80 peratus daripada jumlah pelajar 28,000 orang (*Berita Harian*, 8 Jun 2001). Di KUSTEM pula asrama pelajar hanya boleh menampung seramai 1,500 orang sahaja sedangkan pada masa kini (tahun 2004) jumlah pelajar keseluruhan adalah sekitar 3,500 orang. Unjuran jumlah pelajar akan meningkat lagi pada tahun-tahun seterusnya. Dengan ini ia memberi permasalahan yang besar kepada pelajar perempuan kerana terpaksa membeli kenderaan sendiri akibat pengangkutan awam di kawasan persekitaran Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) adalah terhad. Walau pun rumah dapat disewa dengan harga yang berpatutan tetapi sesetengahnya bukan menjadi laluan utama pengangkutan awam terutama bas. Dengan ini ia memberi permasalahan yang besar khasnya kepada pelajar perempuan kerana perlu membeli kenderaan sendiri dan sesetengahnya menumpang dengan kawan-kawan yang memiliki kenderaan. Bagi universiti yang berdekatan dengan bandar-bandar yang besar seperti UKM, UM, USM dan juga UPM ia tidak menjadi masalah kerana kawasan perumahan hampir mencukupi dan kenderaan awam seperti bas adalah banyak. Mereka boleh pergi ke kampus walau pun waktu malam.

Satu lagi permasalahan yang timbul akibat perkembangan fakulti dan jumlah pelajar yang semakin meningkat di universiti-universiti yang besar ialah waktu pelajar untuk berjumpa dengan pensyarah adalah terbatas. Apabila beban tugas pensyarah semakin bertambah maka waktu yang diperuntukkan untuk berbincang di luar kelas dengan pelajar yang begitu ramai adalah terhad. Dalam hal ini, ada pelajar di dalam sesuatu semester pengajian tidak mahu berjumpa atau berbincang dengan pensyarah. Mereka takut dimarahi oleh pensyarah kerana memikirkan pensyarah sentiasa sibuk dan tidak bersedia untuk melayani kercah pelajar.

Masalah gejala sosial juga mungkin timbul di kalangan pelajar yang tinggal di luar kampus kerana boleh melakukan apa sahaja. Kawalan keselamatan di rumah sewa sudah tiada dan mereka yang kurang beriman akan melakukan kegiatan yang tidak sihat. Kalaulah di dalam asrama universiti ada pelajar yang sanggup duduk berduaan dan terkena tangkap basah apatah lagi kalau tinggal di luar. Hanya kawalan diri sendiri dan pemerhatian jiran tetangga sahaja yang dapat menyelamatkan pelajar daripada melakukan perkara yang tidak baik. Satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor menunjukkan pelajar UiTM paling ramai melakukan kesalahan kesusilaan, sila lihat jadual 5.

Jadual 5: Statistik Jumlah Tangkapan Pelajar IPT Di Negeri Selangor Sehingga Mei 2003

IPT negeri Selangor	Jumlah tangkapan berhubung kesalahan kesusilaan
UiTM	78
Kolej Swasta	75
Politeknik	16
Sekolah Menengah	14
UKM	4
UPM	3
UM	2

Sumber: *Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*

Jadi kita boleh membuat rumusan bahawa semakin ramai pelajar yang tinggal di luar kampus asrama universiti semakin bertambahlah masalah sosial yang timbul.

Kita tidak nafikan bahawa ada juga implikasi yang baik akibat bertambahnya pelajar dan perkembangan sesebuah universiti di mana ia memberi pertumbuhan dan kerancakan sosioekonomi setempat. Sebagai contoh, di Gong Badak, Kuala Terengganu kelihatan banyak projek perumahan dibuat dan kedai-kedai makan yang baru dibuka bagi keperluan dan kemudahan pelajar KUSTEM. Begitu juga kedai-kedai banyak dibuka dan rumah-rumah pangsa di sekitar Batu Uban, USM Pulau Pinang telah habis disewa oleh orang-ramai termasuklah pelajar sendiri.

## KESIMPULAN

Apabila pelajar semakin bertambah ramai dan pembangunan universiti semakin berkembang banyaklah permasalahan yang timbul dan susah diselesaikan dalam masa yang terdekat. Keperluan penyelidikan yang bermutu dan tanggungjawab melahirkan graduan yang berkualiti tinggi adalah menjadi dilema di kalangan pensyarah muda pada hari ini. Walau pun peluang kenaikan pangkat sentiasa terbuka akibat pertambahan program dan fakulti tetapi itu merupakan persaingan yang sengit di kalangan pensyarah. Begitu juga pemilihan kenaikan pangkat adalah ketat lebih-lebih lagi pada masa kini semua pegawai perkhidmatan awam menggunakan kaedah penilaian baru iaitu Skim Saraan Malaysia (SSM). Walau apa jua permasalahan yang dihadapi oleh seseorang pensyarah, tugas yang paling utama ialah menyempurnakan pengajaran yang terbaik kepada pelajar. Oleh itu permudahkanlah segala kehidupan mereka semasa menjadi mahasiswa di universiti.

## RUJUKAN

1. Henkel, M. 2000. *Academic Identities and Policy Change in Higher Education*. London: Jessica Kingsley Publishers.
2. Mohd Salleh Lebar. 2000. *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Esley Longman Malaysia.